

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sememangnya amat prihatin terhadap masalah-masalah pembangunan yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli. Justeru itu pada tahun 2014 pihak kerajaan telah memperuntukan sejumlah RM64.7 juta bagi melaksanakan pelbagai program dan projek pembangunan kepada masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Merujuk kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada jumlah peruntukan pembangunan tersebut, sejumlah RM 8.4 juta (12.9%) peruntukan disalurkan untuk pembangunan perkampungan Orang Asli di negeri Kelantan. Antara projek dan program yang terlibat dengan peruntukan tersebut ialah:

Bil	Projek/ Program	Peruntukan (RM)
1.	Program Pembangunan Ekonomi	5,000,000
2.	Infrastruktur dan Kemudahan Awam	458,790
3.	Tanaman Gaharu bagi Masyarakat Orang Asli di Gua Musang	3,000,000
	JUMLAH	8,458,790

Menerusi Program Pembangunan Ekonomi fokus diberikan terhadap projek-projek yang berupaya meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli seperti projek tanaman getah dan

sawit, projek ladang masyarakat, bantuan usahawan, kursus/seminar keusahawanan dan sebagainya.

Manakala di bawah projek infrastruktur dan kemudahan awam penumpuan diberikan terhadap kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih kemudahan asas di perkampungan, membina dewan serbanguna, surau, menurap jalan dan sebagainya.

Masyarakat Orang Asli di Negeri Kelantan juga perlu merasa bertuah kerana pihak Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pelaksanaan projek Tanaman Gaharu melibatkan kawasan seluas 200 hektar di Pos Tohoi, Gua Musang dengan penyertaan seramai 494 peserta. Projek perintis ini adalah sebagai satu inisiatif baru dalam meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Orang Asli. Projek ini akan diperluaskan sekiranya berdaya maju dan berjaya. Pada masa kini pihak Kerajaan Persekutuan sedang menunggu kelulusan tanah daripada Kerajaan Negeri bagi memulakan projek tersebut.

Selain daripada itu, Kementerian ini menerusi Bahagian Kesejahteraan Rakyat telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM2 juta kepada masyarakat Orang Asli negeri Kelantan bagi melaksanakan Program Bantuan Rumah (PBR) melibatkan 32 unit bina baru dan 49 unit baik pulih. Projek-projek tersebut sedang giat dilaksanakan dan masyarakat Orang Asli yang terlibat akan mendapat manfaatnya sebelum penghujung tahun 2014.

Perkara ini membuktikan bahawa pihak Kerajaan begitu komited untuk membangunkan masyarakat Orang Asli bukan sahaja di negeri Kelantan di seluruh Semenanjung Malaysia. Pihak Kerajaan tidak sekali-kali meminggirkan kebajikan kumpulan minoriti ini dan sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat selaras dengan slogan 1 Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

RINGKASAN SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN JAKOA YANG DILULUSKAN DALAM 'ROLLING PLAN' KE-3 RMKe10 (TAHUN 2014)

BIL	NAMA PROJEK	KATEGORI PROJEK	JUMLAH
1)	Pengambilan Balik Tanah/ Ukur	Sedia ada	1,218,000
2)	Pembangunan Ekonomi Johor	Sedia ada	2,500,000
3)	Pembangunan Ekonomi Kelantan	Sedia ada	5,000,000
4)	Pembangunan Ekonomi Melaka	Sedia ada	1,000,000
5)	Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan	Sedia ada	2,500,000
6)	Pembangunan Ekonomi Pahang	Sedia ada	12,000,000
7)	Pembangunan Ekonomi Perak	Sedia ada	4,000,000
8)	Pembangunan Ekonomi Selangor	Sedia ada	500,000
10)	Pembangunan Manusia dan Minda	Sedia ada	2,500,000
11)	Projek Bekalan Air Terawat di Perkampungan Orang Asli Semenanjung Malaysia	Sedia ada	20,000,000
12)	Program merapatkan jurang digital bagi Perkampungan Orang Asli di dua (2) Pos di Gua Musang, Kelantan dan dua (2) Pos di Kuala Lipis, Pahang	Sedia ada	1,000,000
13)	Menaiktaraf Pusat Latihan Paya Bungor, Pahang	Baru	2,500,000
14)	Projek Tanaman Gaharu bagi masyarakat Orang Asli di Gua Musang	Baru	3,000,000
JUMLAH KESELURUHAN			64,718,000